



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

ISSN 2735-1823



LAPORAN STATISTIK TENAGA BURUH

JUN 2022

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN TENAGA BURUH MALAYSIA JUN 2022

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022 bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *"Connecting the World with Data We Can Trust"*.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / Twitter / Instagram : StatsMalaysia
Emel : info@dosm.gov.my ((pertanyaan umum)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 09 Ogos 2022

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

eISSN 2735 - 1823

KATA PENGANTAR

Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, bulanan membentangkan statistik berkaitan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran yang diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB). Pelaksanaan STB adalah berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization* (ILO) dengan merujuk kepada *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods*.

Statistik tenaga buruh digunakan sebagai input penting untuk menganalisis pasaran buruh, menggubal dasar serta merancang, melaksana dan memantau program terutamanya berkaitan pembangunan sumber manusia. Statistik ini juga menjadi rujukan penting kepada penyelidik, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu dalam kajian berkaitan guna tenaga dan pasaran buruh.

Laporan tenaga buruh bagi Jun 2022 memperihalkan kedudukan penawaran tenaga buruh berikutan negara berada dalam fasa peralihan ke endemik. Laporan ini juga menghuraikan perubahan bulan ke bulan untuk mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Di samping itu, perubahan tahunan dari bulan yang sama pada tahun sebelumnya turut dilaporkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada responden dan semua pihak yang telah menyumbang kepada pelaksanaan survei dan penyediaan penerbitan ini. Pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Ogos 2022

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
Isi Kandungan	i
Glosari	ii
Akronim	iv
Infografik	v
<hr/>	
Sorotan Utama	1
1. Pengenalan	2
2. Guna Tenaga	2
3. Pengangguran	4
4. Tenaga Buruh	5
5. Luar Tenaga Buruh	6
6. Inisiatif Kerajaan	7
7. Menuju ke Hadapan	8
<hr/>	
Senarai Jadual	
Jadual A : Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2021	A-1
Jadual B : Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Kedua 2022	A-2
Jadual B1 : Penduduk bekerja kurang dari 30 jam mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Kedua 2022	A-4
Jadual B2 : Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Kedua 2022	A-5
Jadual B3 : Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Kedua 2022	A-6
Jadual C : Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - Jun 2022	A-7
Jadual C1 : Statistik utama tenaga buruh pelarasan musim, Malaysia, Januari 2010 - Jun 2022	A-11
Jadual C2 : Bilangan penganggur mengikut kategori dan tempoh menganggur, Januari 2016 - Jun 2022	A-15
Jadual C3 : Pengangguran belia dan kadar pengangguran belia mengikut kumpulan umur terpilih, Januari 2016 - Jun 2022	A-17
Jadual C4 : Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Januari 2016 - Jun 2022	A-19
Jadual D : Penduduk bekerja mengikut pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2021	A-21
Jadual E : Penduduk bekerja mengikut industri, Malaysia, 1982 - 2021	A-22
Jadual F : Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2021	A-24
Jadual G : Indikator tenaga buruh bagi negara terpilih, Jun 2021 - Jun 2022	A-25

GLOSARI

- Aktiviti ekonomi : Klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
- Bekerja : Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji.
- Bekerja sendiri : Seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan atau perusahaannya.
- Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran : Mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
- Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa : Kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.
- Kadar pengangguran : Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh, kadar ini mengukur peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.
- Kadar penyertaan tenaga buruh : Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja dalam bentuk peratusan.
- Kategori kemahiran : Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan di kelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 seperti berikut:

Pekerja mahir:

1. Pengurus;
2. Profesional; dan
3. Juruteknik dan professional bersekutu.

Pekerja separuh mahir:

4. Pekerja sokongan pengkeranian;
5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan;
6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan;
7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan
8. Operator loji dan mesin serta pemasangan.

Pekerja berkemahiran rendah:

9. Pekerjaan asas.

GLOSARI

- Bermula Januari 2022, kategori pekerjaan adalah mengikut Piawai Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 dengan tambahan kumpulan 0 - Angkatan tentera.
- Luar tenaga buruh : Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
- Majikan : Seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan, perusahaan ladang atau perniagaan lain dan menggaji seorang pekerja atau lebih untuk menolongnya.
- Menganggur : Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
- Nisbah guna tenaga kepada penduduk : Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja.
- Pekerja : Seorang yang bekerja untuk majikan sektor awam atau swasta dan menerima ganjaran tetap seperti upah, gaji, komisen, tip atau ganjaran berbentuk mata benda.
- Pekerja keluarga tanpa gaji : Seorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarganya yang lain.
- Penganggur aktif : Mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.
- Penganggur tidak aktif : Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkelayakan; mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.
- Tenaga buruh : Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15 - 64 tahun) sama ada bekerja atau menganggur.

AKRONIM

AF	:	Kemudahan Pertanian Makanan
ASEAN	:	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
ATM	:	Angkatan Tentera Malaysia
BNM	:	Bank Negara Malaysia
CATI	:	<i>Computer Assisted Telephone Interview</i>
CENDANA	:	<i>Cultural Economy Development Agency</i>
DanaNITA	:	Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita
DOSM	:	Jabatan Perangkaan Malaysia
ILO	:	<i>International Labour Organizations</i>
IP	:	Indeks Pelopor
KPTB	:	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
KPT-CAP	:	Program Peningkatan Kerjaya Kementerian Pengajian Tinggi
MARA	:	Majlis Amanah Rakyat
MEDAC	:	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
MEI	:	Indeks Pekerjaan Monster
MTC	:	Syarikat Pertengahan Teknikal dan Digital
MYWiT	:	<i>MyDigitalWorkforce Work in Tech</i>
PENJANA	:	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara
PEMULIH	:	Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi
PERKESO	:	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PKS	:	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PRIHATIN	:	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat
ProSPEC	:	Program Pembangunan Usahawan Profesional
PROTEGE	:	<i>Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs</i>
PRUV-ATM	:	Program <i>Reskilling and Upskilling</i> Veteran ATM
PSU	:	Program Subsidi Upah
PU TEK	:	Program Pembangunan Usahawan Teknikal
PUTRA	:	Program Usahawan Lulusan Institusi Pendidikan MARA/ Belia
SPN	:	Skim Perantisan Nasional
SPUMI	:	Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India
STB	:	Survei Tenaga Buruh
TEKUN	:	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
TRRF	:	Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar

TENAGA BURUH MALAYSIA, JUN 2022

Kadar pengangguran Jun turun kepada 3.8 peratus, terendah sejak pandemik COVID-19 melanda dengan 630.6 ribu penganggur

TENAGA BURUH




69.5%
▲ 1.2mp
↔ 0.0mp

Kadar penyertaan tenaga buruh Jun kekal pada 69.5 peratus

PENDUDUK BEKERJA



Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan



Kategori pekerja merupakan komposisi terbesar penduduk bekerja dengan peratus sumbangan sebanyak 76.1 peratus


Semua kategori merekodkan peningkatan bulan ke bulan pada Jun 2022 kecuali pekerja keluarga tanpa gaji

PENGANGGUR



3.8%
▼ 1.0mp
▼ 0.1mp


Kadar pengangguran Jun turun kepada 3.8 peratus, terendah sejak pandemik melanda



LUAR TENAGA BURUH



Komposisi utama luar tenaga buruh adalah kerja rumah/ tanggungjawab keluarga



% Peratus perubahan (tahun ke tahun) mp Mata peratus
% Percatus perubahan (bulan ke bulan)

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



KONSEP DAN DEFINISI



Apa itu Survei Tenaga Buruh (STB)?

Survei Tenaga Buruh (STB) dilaksanakan untuk mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran dari aspek penawaran tenaga buruh.

STB meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi semua daerah pentadbiran di semua negeri di Malaysia menggunakan pendekatan *multi-modal data collection* melalui temu ramah bersemuka dan *Computer-Assisted Telephone Interview (CATI)*.

STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organizations (ILO)*.

Populasi penyiasatan merangkumi penduduk yang tinggal di tempat kediaman persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di institusi-institusi seperti hotel, hospital, asrama, penjara dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.

Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isi rumah yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.

TENAGA BURUH

- Penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari lahir terakhir).
- Sama ada bekerja atau menganggur semasa minggu rujukan.

BEKERJA

- Orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
- Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- Mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

PENGGANGGUR

- Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari kerja.
- Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

LUAR TENAGA BURUH

- Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur.
- Contoh: suri rumah, pelajar, mereka yang telah bersara atau tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk

KADAR PENGANGGURAN

- Perkadaran penduduk yang menganggur (tidak bekerja) kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh.
- Peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

- Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi.
- Pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut.
- Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.
- Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus.

PELARASAN MUSIM

- Data siri masa adalah amat berguna untuk ahli ekonomi, pembuat dasar & keputusan serta penganalisis siri masa untuk mengenal pasti ciri-ciri penting siri ekonomi seperti arah aliran, turning point dan konsistensi antara penunjuk ekonomi yang lain. Kadangkala ciri ini sukar untuk diperhatikan kerana pergerakan bermusim. Oleh itu, sekiranya kesan bermusim boleh disingkirkan, arah aliran data siri ini dapat dilihat dengan lebih baik. Anggaran dan penyingkiran kesan bermusim dipanggil pelarasan bermusim.
- Pelarasan bermusim adalah satu proses untuk mengenal pasti dan menyingkirkan bentuk pola bermusim yang biasa berlaku dalam tempoh satu tahun, yang mungkin juga merangkumi pengaruh dari kesan cuti yang bergerak dan hari bekerja/berdagang bagi suatu tempoh. Objektif utama proses ini adalah untuk menyerlahkan arah aliran dan pergerakan-pergerakan jangka pendek dalam siri ini.
- Di Malaysia, kebanyakan data siri masa dipengaruhi oleh kesan bermusim. Oleh itu, untuk menghapus dan melaraskan kesan bermusim data siri masa ekonomi Malaysia, pakej standard pelarasan bermusim, X-12 ARIMA telah digunakan oleh Jabatan Perangkaan, Malaysia.

SOROTAN UTAMA

- **Bilangan penduduk bekerja** terus meningkat pada Jun 2022, dengan pertambahan sebanyak **36.3 ribu orang (+0.2%)** kepada **15.94 juta orang** (Mei 2022: 15.90 juta orang). Dari segi pelarasan bermusim, bilangan penduduk bekerja bertambah sebanyak 0.7 peratus. **Nisbah guna tenaga kepada penduduk** yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga naik sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **66.9 peratus** berbanding Mei 2022 (66.8%).
- Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus mengukuh, terutamanya dalam aktiviti Perkhidmatan makanan & minuman, Perdagangan borong & runcit; dan aktiviti Pentadbiran & khidmat sokongan. Trend yang sama dilihat dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Pembinaan, manakala sektor Perlombongan & pengkuarian terus mencatatkan penurunan dalam guna tenaga.
- **Kategori pekerja** merupakan komposisi terbesar penduduk bekerja dengan peratus sumbangan sebanyak **76.1 peratus**. Kategori ini mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus (+13.0 ribu orang) kepada **12.13 juta orang** pada Jun 2022 (Mei 2022: 12.11 juta orang). Pada masa yang sama, **penduduk bekerja sendiri** semakin mengukuh pada bulan tersebut dengan peningkatan sebanyak 22.2 ribu orang (0.8%) kepada **2.77 juta orang** (Mei 2022: 2.74 juta orang).
- Pada Jun 2022, bilangan **penganggur** terus menurun selama sebelas bulan berturut-turut, dengan penurunan sebanyak **1.1 peratus (-7.1 ribu orang)** kepada **630.6 ribu penganggur** (Mei 2022: 637.7 ribu orang). Sementara itu, mengikut terma pelarasan bermusim, bilangan penganggur menurun sebanyak 4.4 peratus. Oleh itu, **kadar pengangguran** Jun turun kepada **3.8 peratus**, terendah sejak pandemik melanda negara, namun ia masih belum kembali pulih kepada tempoh pra-pandemik. Sementara itu, anggaran pelarasan bermusim bagi kadar pengangguran turun sebanyak 0.2 mata peratus merekodkan 3.6 peratus.
- Pada bulan tersebut, bilangan **tenaga buruh** terus meningkat sebanyak **0.2 peratus** atau bersamaan dengan 29.1 ribu orang kepada **16.57 juta orang** (Mei 2022: 16.54 juta orang). **Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** Jun kekal pada **69.5 peratus**. Anggaran pelarasan musim menunjukkan bahawa tenaga buruh meningkat sebanyak 0.4 peratus dan KPTB naik sebanyak 0.2 mata peratus.
- Bilangan **luar tenaga buruh** turun sebanyak **0.1 peratus** atau **4.6 ribu orang** kepada **7.26 juta orang** pada Jun 2022 (Mei 2022: 7.26 juta orang). Komposisi utama luar tenaga buruh adalah **kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** dengan **42.8 peratus**, manakala kategori **bersekolah/ latihan** berada di kedudukan kedua dengan **40.1 peratus**.
- Kedudukan sosioekonomi yang bertambah baik pada separuh pertama tahun 2022 mungkin merupakan salah satu faktor penting dalam fasa pemulihan ekonomi negara begitu juga dengan pasaran buruh. Aktiviti ekonomi yang semakin rancak pada bulan Jun 2022 juga membolehkan aktiviti perniagaan bangkit semula setelah berdepan dengan cabaran krisis kesihatan yang berpanjangan. Aktiviti ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik sebelum ini, seperti industri pelancongan dan industri berkaitan pelancongan, dilihat semakin pulih dengan peningkatan bilangan pelancong pada Jun 2022, sekali gus membolehkan aktiviti perniagaan pulih semula. Pengoperasian kesemua aktiviti ekonomi pada bulan tersebut juga menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan berikutan aktiviti perniagaan memerlukan lebih ramai pekerja untuk menampung keperluan operasi perniagaan mereka. Selain itu, Malaysia optimis bahawa pemulihan ekonomi akan kekal berdaya tahan pada bulan-bulan yang akan datang, disokong oleh pelbagai inisiatif dan pengurusan kerajaan yang berkesan terhadap situasi semasa. Susulan itu, keperluan terhadap tenaga buruh juga dilihat semakin meningkat sejajar dengan perkembangan aktiviti ekonomi. Justeru, selaras dengan perkembangan positif tersebut, pasaran buruh dijangka akan terus pulih pada bulan-bulan seterusnya.

1 PENINGKATAN BERTERUSAN TENAGA BURUH MALAYSIA PADA JUN 2022, MENCATATKAN KADAR PENGANGGURAN TERENDAH SEJAK PANDEMIK

Pada bulan tersebut, pertumbuhan ekonomi yang lebih baik dilihat susulan kesemua aktiviti ekonomi dan sosial beroperasi seperti biasa. Menurut pakar ekonomi Kumpulan Bank Dunia Malaysia, ekonomi Malaysia menunjukkan prestasi yang baik dalam berdepan cabaran global, walaupun dengan impak daripada pandemik, seterusnya terkesan akibat perang di Ukraine, sekatan pergerakan di China, kenaikan kadar faedah dan kebimbangan tentang stagflasi, berikutan negara diselubungi oleh ketidakpastian¹.

Begitu juga, pemulihan pasaran buruh Malaysia dilihat lebih berdaya tahan pada Jun 2022 rentetan daripada aktiviti perniagaan yang terus meningkat. Menteri Kewangan Malaysia, Tengku Zafrul Abdul Aziz, menyatakan bahawa unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia masih berada dalam landasan. Walau bagaimanapun, pemantauan berterusan diperlukan untuk memastikan langkah monetari dan fiskal yang sesuai boleh diambil bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi walaupun berdepan dengan cabaran². Selain itu, berdasarkan Indeks Pekerjaan Monster (MEI), pasaran pekerjaan Malaysia merekodkan pertumbuhan 31 peratus dalam permintaan pekerjaan pada Jun 2022, dengan peningkatan 5 peratus dalam aktiviti pengambilan pekerja³. Situasi ini menunjukkan bahawa beberapa industri di Malaysia hampir kembali kepada operasi perniagaan mereka ketika pra-pandemik, seperti industri pelancongan, perhotelan, dan peruncitan yang sedang mengalami pemulihan setelah pandemik.

Justeru, kedudukan tenaga buruh terus pulih dan berkembang pada bulan tersebut, sejajar dengan perkembangan ekonomi semasa susulan fasa transisi ke endemik di seluruh negara. Oleh itu, kedudukan tenaga buruh dilihat lebih stabil pada Jun 2022 berikutan lebih banyak permintaan terhadap buruh diperlukan dalam pasaran, sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam pasaran. Situasi ini digambarkan oleh peningkatan berterusan dalam bilangan tenaga buruh Malaysia pada Jun 2022, dengan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja manakala pengangguran terus menurun, mencatatkan kadar pengangguran terendah sejak pandemik.

Bagi prestasi Indeks Pelopor (IP), ia melonjak semula sebanyak 2.2 peratus pada Mei 2022 (April 2022: -0.5%), menunjukkan prestasi yang lebih baik pada Mei 2022 dengan indeks trend jangka panjang terus melebihi 100.0 mata, menjangkakan tinjauan ekonomi yang positif pada bulan-bulan yang akan datang. Begitu juga, kedua-dua eksport dan import bagi indikator perdagangan luar negeri meningkat sebanyak dua-digit, masing-masing sebanyak 21.3 peratus (Mei 2022: 5.6%) dan 15.2 peratus (Mei 2022: 3.6%).

2 Bilangan penduduk bekerja terus meningkat pada Jun 2022

Bilangan penduduk bekerja terus meningkat pada Jun 2022, dengan pertambahan sebanyak **36.3 ribu orang (+0.2%)** kepada **15.94 juta orang** (Mei 2022: 15.90 juta orang). Dari segi pelarasan bermusim, bilangan penduduk bekerja bertambah sebanyak 0.7 peratus. Tahun ke tahun, bilangan penduduk bekerja terus merekodkan peningkatan sebanyak 4.2 peratus (+638.8 ribu orang) berbanding tahun sebelumnya di mana negara ketika itu berada dalam “*total lockdown*” (Jun 2021: 15.30 juta orang).

Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus mengukuh, terutamanya dalam aktiviti Perkhidmatan makanan & minuman, Perdagangan borong & runcit; dan

¹ <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/06/968454/prestasi-ekonomi-malaysia-baik-dalam-ketidaktentuan-global>


² <https://www.freemalaysiatoday.com/category/business/local-business/2022/06/16/finance-minister-says-malysias-economic-growth-remains-on-track/>

³ <https://www.businesstoday.com.my/2022/07/18/malaysia-experiences-31-yoy-hiring-growth/>

aktiviti Pentadbiran & khidmat sokongan. Trend yang sama dilihat dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Pembinaan, manakala sektor Perlombongan & pengkuarian terus mencatatkan penurunan dalam guna tenaga.


Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga naik sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **66.9 peratus** berbanding Mei 2022 (66.8%). Perbandingan tahun ke tahun, nisbah ini meningkat sebanyak 1.9 mata peratus (Jun 2021: 65.0%) [Carta 1].

Carta 1: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Januari 2018 - Jun 2022



Kategori pekerja merupakan komposisi terbesar penduduk bekerja dengan peratus sumbangan sebanyak 76.1 peratus. Kategori ini mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus (+13.0 ribu orang) kepada **12.13 juta orang** pada Jun 2022 (Mei 2022: 12.11 juta orang). Pada masa yang sama, **penduduk bekerja sendiri** semakin mengukuh pada bulan tersebut dengan peningkatan sebanyak 22.2 ribu orang (0.8%) kepada **2.77 juta orang** (Mei 2022: 2.74 juta orang). Kumpulan ini kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berpendapatan harian bekerja sebagai perniagaan kecil seperti peruncit kecil; penjaja; penjual di pasar dan gerai; serta pekebun kecil [Carta 2].

Carta 2: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Mei dan Jun 2022



Bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu pada Jun 2022 menurun sebanyak **6.7 peratus** (-6.3 ribu orang) kepada **87.8 ribu orang** berbanding Mei 2022 (94.1 ribu orang). Bagi perbandingan tahun ke tahun, kategori ini berkurang sebanyak 713.3 ribu orang (-89.0%) berbanding 801.1 ribu orang yang direkodkan pada Jun 2021 iaitu ketika *total lockdown*. Kumpulan ini


yang berkemungkinan besar tidak dapat bekerja tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan untuk kembali bekerja.

3 Kadar pengangguran Jun 2022 turun kepada 3.8 peratus, terendah sejak pandemik melanda

Pada Jun 2022, bilangan **penganggur** terus menurun selama sebelas bulan berturut-turut, dengan penurunan sebanyak **1.1 peratus (-7.1 ribu orang)** kepada **630.6 ribu penganggur** (Mei 2022: 637.7 ribu orang). Sementara itu, mengikut terma pelarasan bermusim, bilangan penganggur menurun sebanyak 4.4 peratus. Oleh itu, **kadar pengangguran** Jun turun kepada **3.8 peratus**, terendah sejak pandemik melanda negara, namun ia masih belum kembali pulih kepada tempoh pra-pandemik. Sementara itu, anggaran pelarasan bermusim bagi kadar pengangguran turun sebanyak 0.2 mata peratus merekodkan 3.6 peratus.

Bilangan penganggur terus menurun sebanyak 18.0 peratus tahun ke tahun atau 138.1 ribu orang (Jun 2021: 768.7 ribu orang). Oleh itu, kadar pengangguran menurun sebanyak 1.0 mata peratus berbanding 4.8 peratus pada Jun 2021 [**Carta 3**].


Carta 3: Penganggur dan kadar pengangguran, 1982 - 2021 dan Januari 2020 - Jun 2022



Bagi kategori penganggur, **penganggur aktif** atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan merangkumi **83.8 peratus** daripada jumlah penganggur. Kategori ini turun sebanyak **1.0 peratus (-5.5 ribu orang)** kepada **528.5 ribu orang** (Mei 2022: 534.0 ribu orang). Mereka yang **menganggur kurang daripada tiga bulan** meliputi **59.0 peratus** daripada jumlah penganggur aktif, manakala mereka yang berada dalam **pengangguran jangka panjang** melebihi setahun⁴ adalah sebanyak **6.6 peratus**. Sementara itu, mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia atau **penganggur tidak aktif** merekodkan penurunan sebanyak **1.6 peratus** atau bersamaan dengan **1.7 ribu orang** kepada **102.1 ribu orang** (Mei 2022: 103.8 ribu orang) [**Carta 4**].


⁴ Merujuk kepada orang yang menganggur selama setahun atau lebih (Sumber: *KILM: long-term Unemployment*)
https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dqreports/---stat/documents/publication/wcms_422451.pdf

Carta 4: Kategori penganggur dan tempoh menganggur, Mei dan Jun 2022



Pada Jun 2022, kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun jatuh sebanyak **0.3 mata peratus** kepada **12.2 peratus**, mencatatkan **343.9 ribu penganggur belia** (Mei 2022: 341.4 ribu orang). Sementara itu, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun kekal pada **7.4 peratus**, dengan **474.7 ribu penganggur belia** (Mei 2022: 475.7 ribu orang) [Carta 5].

Carta 5: Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, 1982 - 2021 dan Januari 2020 - Jun 2022




4 KPTB Jun kekal pada kadar 69.5 peratus

Pada bulan tersebut, bilangan **tenaga buruh** terus meningkat sebanyak **0.2 peratus** atau bersamaan dengan 29.1 ribu orang kepada **16.57 juta orang** (Mei 2022: 16.54 juta orang). **Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** Jun kekal pada kadar **69.5 peratus**. Anggaran pelarasan musim menunjukkan bahawa tenaga buruh meningkat sebanyak 0.4 peratus dan KPTB meningkat sebanyak 0.2 mata peratus.


Tahun ke tahun, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 3.1 peratus atau (+500.7 ribu orang) berbanding 16.07 juta orang pada Jun 2021. Oleh itu, KPTB meningkat sebanyak 1.2 mata peratus (Jun 2021: 68.3%) [Carta 6].

Carta 6: Tenaga buruh dan KPTB, 1982 - 2021 dan Januari 2020 - Jun 2022



Bilangan **tenaga buruh lelaki** kekal pada trend meningkat selama enam bulan berturut-turut merekodkan **10.16 juta orang** pada Jun 2022 (Mei 2022: 10.15 juta orang), manakala **tenaga buruh perempuan** terus meningkat bagi bulan kelima mencatatkan **6.41 juta orang** (Mei 2022: 6.38 juta orang). Dari segi KPTB, **KPTB lelaki** meningkat sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **82.6 peratus**, manakala **KPTB perempuan** kekal pada kadar **55.6 peratus**. Berbanding satu tahun sebelumnya, KPTB lelaki meningkat sebanyak 1.0 mata peratus (Jun 2021: 81.6%), manakala KPTB perempuan meningkat sebanyak 0.4 mata peratus (Jun 2021: 55.2%) [Carta 7].


Carta 7: Tenaga buruh dan KPTB mengikut jantina, 1982 - 2021 dan Januari 2020 - Jun 2022



5 Komposisi utama luar tenaga buruh adalah kerja rumah/ tanggungjawab keluarga

Bilangan **luar tenaga buruh** turun sebanyak **0.1 peratus** atau **4.6 ribu orang** kepada **7.26 juta orang** pada Jun 2022 (Mei 2022: 7.26 juta orang). Trend yang sama dilihat tahun ke tahun, mencatatkan pengurangan sebanyak 201.3 ribu orang (-2.7%) berbanding 7.46 juta orang yang direkodkan pada Jun 2021. Komposisi utama luar tenaga buruh adalah **kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** dengan **42.8 peratus**, manakala **kategori bersekolah/ latihan** berada di kedudukan kedua dengan **40.1 peratus** [Carta 8].

Carta 8: Peratus sumbangan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, Mei dan Jun 2022



6 INISIATIF KERAJAAN⁵

Program Subsidi Upah (PSU) di bawah pakej PRIHATIN adalah bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan bagi setiap perusahaan bagi menyokong majikan untuk meneruskan operasi dan mengekalkan pekerja. Melalui PSU 1.0, program ini telah memberi manfaat kepada 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja berdaftar dengan jumlah nilai yang diluluskan sebanyak RM12.96 juta sehingga 8 Julai 2022. Selain itu, sejumlah RM1.41 bilion telah disalurkan kepada 81,158 majikan, bagi membolehkan mereka untuk terus beroperasi dan mengekalkan seramai 719,029 pekerja melalui PSU 2.0 di bawah Pakej Kita PRIHATIN. Di bawah PSU 3.0, terdapat sebanyak 162,317 majikan yang dibantu untuk mengekalkan seramai 1.53 juta pekerja dengan nilai berjumlah RM3.78 juta. Selain itu, melalui PSU 4.0, sejumlah RM2.57 juta telah disalurkan kepada 163,722 majikan dan 1.92 juta pekerja di bawah pakej PEMULIH. Sementara itu, melalui PSU 5.0, sebanyak RM204.78 juta telah disalurkan kepada 7,674 majikan untuk mengekalkan seramai 116,433 pekerja.

Sehingga 8 Julai 2022, melalui Program Insentif Pengambilan Pekerja Jaminkerja dengan kerjasama PERKESO telah berjaya menempatkan seramai 4,459 belia di bawah Skim Perantisan Nasional (SPN) yang direka khusus untuk kumpulan perantis di bawah Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama kementerian lain seperti Kementerian Kerja Raya, Kementerian Sumber Manusia dan Agensi Persekutuan di bawah ketiga-tiga kementerian. Selain itu, seramai 3,618 graduan telah berjaya ditempatkan melalui Program Peningkatan Kerjaya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT-CAP). Di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTEGE) yang merupakan inisiatif untuk melaksanakan program peningkatan kebolehpasaran dan memupuk kemahiran keusahawanan di kalangan graduan, seramai 4,316 graduan telah berjaya ditempatkan. Selain itu, daripada sejumlah 3,988 permohonan, seramai 1,101 peserta telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan teknologi dan perkhidmatan digital melalui *MyDigitalWorkforce Work in Tech* (MYWiT). Sementara itu, seramai 8,891 veteran telah mendapat manfaat melalui Program *Reskilling and Upskilling Veteran ATM* (PRUV-ATM) yang dilaksanakan bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi veteran, di mana veteran akan dilatih untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk sektor pekerjaan dan keusahawanan.

Bagi pemerksaan perniagaan, seramai 448 usahawan baharu telah dibantu, yang melibatkan sejumlah RM3.91 juta telah diluluskan di bawah Program Usahawan Siswazah Institusi Pendidikan Belia/ MARA (PUTRA), yang direka untuk menyediakan kemudahan pembiayaan bagi perniagaan mikro dalam

⁵ Segmen ini dimasukkan ke dalam laporan sebagai rujukan pembaca berdasarkan Laporan Kewangan Rakyat ke-103 dan 104 berkenaan status kelulusan, pembayaran dan pendaftaran setakat 12 dan 17 Julai 2022.

semua sektor, kecuali pertanian dan penternakan, dan untuk melahirkan usahawan dinamik dalam kalangan generasi muda yang ingin memulakan perniagaan sehingga 30 Jun 2022. Seterusnya, sebanyak RM2.77 juta telah disalurkan kepada 36 usahawan teknikal MARA melalui Program Pembangunan Usahawan Teknikal (PUTEK), yang merupakan kemudahan kewangan bagi generasi muda untuk memulakan perniagaan dalam bidang teknikal berdasarkan kebolehan yang diperolehi di bawah MARA. Selain itu, sebanyak RM10 juta telah diluluskan bagi membantu seramai 265 usahawan wanita yang terjejas akibat COVID-19 dan meningkatkan keupayaan perniagaan mereka di bawah Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA). Selain itu, daripada jumlah 36,034 permohonan di bawah Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF), sebanyak RM6.0 bilion telah disalurkan kepada 25,470 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas dalam sektor perkhidmatan sehingga 28 Jun 2022.

Di bawah Kemudahan Agromakanan (AF) yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), dengan matlamat untuk memacu pemodenan sektor pertanian bagi meningkatkan jaminan dan keselamatan makanan, menjana pendapatan yang lebih tinggi dan menarik lebih ramai usahawan tani muda, terdapat sebanyak 2,268 permohonan yang diluluskan daripada sejumlah 3,020 permohonan dengan nilai pembiayaan sebanyak RM1.78 bilion sehingga 28 Jun 2022. Melalui Program Pembangunan Usahawan Profesional (ProSPEC) di bawah MARA, yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan perniagaan dan meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam bidang keusahawanan profesional, sejumlah RM3.25 juta telah diluluskan kepada 11 profesional untuk menceburi bidang keusahawanan, sehingga 30 Jun 2022. Sementara itu, sejumlah RM21.72 juta telah disalurkan bagi menyokong sebanyak 919 PKS Mikro sehingga 1 Julai 2022 di bawah Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI), yang merupakan program strategik di bawah TEKUN yang bertujuan untuk membantu masyarakat India dalam membangunkan ekonomi mereka melalui perniagaan dan keusahawanan.

Di samping itu, daripada sejumlah 780 permohonan pembiayaan, 409 permohonan telah diluluskan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM84.0 juta sehingga 24 Jun 2022 melalui program Pembiayaan Pelancongan PENJANA, yang telah diperuntukkan khusus untuk PKS Bumiputera bagi menyokong PKS dan PKS mikro yang masih terjejas oleh pandemik COVID-19. Selain itu, sejumlah RM92.9 juta telah disalurkan kepada 13,893 perniagaan dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan pendigitalan bagi menyokong dan menggalakkan PKS dan Syarikat Pertengahan Teknikal dan Digital (MTC) untuk mendigitalkan operasi dan saluran perdagangan mereka sehingga 1 Julai 2022. Sementara itu, di bawah program CENDANA, yang bertujuan untuk menyokong Sektor Kesenian, Kebudayaan dan Hiburan, sejumlah RM7.50 juta telah disalurkan kepada 590 penerima daripada jumlah keseluruhan 1,582 permohonan untuk program ini, termasuk artis dan organisasi yang terlibat secara aktif dalam industri Seni dan Budaya Malaysia sehingga 15 Julai 2022.

7 MENUJU KE HADAPAN

Kedudukan sosioekonomi yang bertambah baik pada separuh pertama tahun 2022 mungkin merupakan salah satu faktor penting dalam fasa pemulihan ekonomi negara begitu juga dengan pasaran buruh. Aktiviti ekonomi yang semakin rancak pada bulan Jun 2022 juga membolehkan aktiviti perniagaan bangkit semula setelah berdepan dengan cabaran krisis kesihatan yang berpanjangan. Aktiviti ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik sebelum ini, seperti industri pelancongan dan industri berkaitan pelancongan, dilihat semakin pulih dengan peningkatan bilangan pelancong pada Jun 2022, sekali gus membolehkan aktiviti perniagaan pulih semula. Pengoperasian kesemua aktiviti ekonomi pada bulan tersebut juga menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan berikutan aktiviti perniagaan memerlukan lebih ramai pekerja bagi menampung keperluan operasi perniagaan mereka.

Selain itu, Malaysia optimis bahawa pemulihan ekonomi akan kekal berdaya tahan pada bulan-bulan yang akan datang, disokong oleh pelbagai inisiatif dan pengurusan kerajaan yang berkesan terhadap situasi semasa. Susulan itu, keperluan terhadap tenaga buruh juga dilihat semakin meningkat sejajar dengan perkembangan aktiviti ekonomi. Justeru, selaras dengan perkembangan positif tersebut, pasaran buruh dijangka akan terus pulih pada bulan-bulan seterusnya.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

JADUAL

TENAGA BURUH, MALAYSIA
JUN 2022

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual A: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2021

Siri Masa	('000)					(%)	
	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
1982	5,431.4	5,249.0	182.4	2,944.6	64.8	62.7	3.4
1983	5,671.8	5,457.0	214.9	2,969.4	65.6	63.2	3.8
1984	5,862.5	5,566.7	295.8	3,119.6	65.3	62.0	5.0
1985	5,990.1	5,653.4	336.8	3,124.9	65.7	62.0	5.6
1986	6,222.1	5,760.1	461.9	3,188.3	66.1	61.2	7.4
1987	6,456.8	5,983.9	472.9	3,246.1	66.5	61.7	7.3
1988	6,637.0	6,157.2	479.8	3,301.5	66.8	62.0	7.2
1989	6,779.4	6,390.9	388.5	3,463.5	66.2	62.4	5.7
1990	7,000.2	6,685.0	315.2	3,519.7	66.5	63.6	4.5
1992	7,319.0	7,047.8	271.2	3,783.6	65.9	63.5	3.7
1993	7,700.1	7,383.4	316.8	3,874.9	66.5	63.8	4.1
1995	7,893.1	7,645.0	248.1	4,297.7	64.7	62.7	3.1
1996	8,616.0	8,399.3	216.8	4,379.0	66.3	64.6	2.5
1997	8,784.0	8,569.2	214.9	4,605.1	65.6	64.0	2.4
1998	8,883.6	8,599.6	284.0	4,934.0	64.3	62.2	3.2
1999	9,151.5	8,837.8	313.7	5,098.4	64.2	62.0	3.4
2000	9,556.1	9,269.2	286.9	5,065.1	65.4	63.4	3.0
2001	9,699.4	9,357.0	342.4	5,239.9	64.9	62.6	3.5
2002	9,886.2	9,542.6	343.5	5,473.8	64.4	62.1	3.5
2003	10,239.6	9,869.7	369.8	5,458.6	65.2	62.9	3.6
2004	10,346.2	9,979.5	366.6	5,730.5	64.4	62.1	3.5
2005	10,413.4	10,045.4	368.1	6,048.2	63.3	61.0	3.5
2006	10,628.9	10,275.4	353.6	6,205.1	63.1	61.0	3.3
2007	10,889.5	10,538.1	351.4	6,330.1	63.2	61.2	3.2
2008	11,028.1	10,659.6	368.5	6,575.7	62.6	60.6	3.3
2009	11,315.3	10,897.3	418.0	6,665.7	62.9	60.6	3.7
2010	12,303.9	11,899.5	404.4	7,023.0	63.7	61.6	3.3
2011	12,740.7	12,351.5	389.2	7,023.3	64.5	62.5	3.1
2012	13,221.7	12,820.5	401.2	6,927.4	65.6	63.6	3.0
2013	13,980.5	13,545.4	435.1	6,781.2	67.3	65.2	3.1
2014	14,263.6	13,852.6	411.1	6,821.0	67.6	65.7	2.9
2015	14,518.0	14,067.7	450.3	6,869.9	67.9	65.8	3.1
2016	14,667.8	14,163.7	504.1	6,987.6	67.7	65.4	3.4
2017	14,980.1	14,476.8	503.3	7,065.0	68.0	65.7	3.4
2018	15,280.3	14,776.0	504.3	7,094.4	68.3	66.0	3.3
2019	15,581.6	15,073.4	508.2	7,103.5	68.7	66.4	3.3
2020	15,667.7	14,956.7	711.0	7,225.5	68.4	65.3	4.5
2021	15,797.2	15,064.2	733.0	7,221.4	68.6	65.4	4.6

Jadual B: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Kedua 2022

Siri Masa	('000)					(%)	
	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
2010							
ST1	12,239.3	11,801.2	438.1	7,030.8	63.5	61.2	3.6
ST2	12,304.9	11,900.6	404.3	7,047.5	63.6	61.5	3.3
ST3	12,354.6	11,961.3	393.3	7,073.5	63.6	61.6	3.2
ST4	12,522.4	12,137.4	385.0	6,992.9	64.2	62.2	3.1
2011							
ST1	12,718.3	12,333.5	384.8	7,004.9	64.5	62.5	3.0
ST2	12,756.0	12,367.4	388.6	7,048.8	64.4	62.4	3.0
ST3	12,889.0	12,493.0	396.0	6,977.2	64.9	62.9	3.1
ST4	12,842.5	12,447.9	394.7	7,098.6	64.4	62.4	3.1
2012							
ST1	13,169.2	12,765.2	404.0	6,915.1	65.6	63.6	3.1
ST2	13,237.0	12,837.1	400.0	6,946.1	65.6	63.6	3.0
ST3	13,401.7	13,005.4	396.3	6,897.9	66.0	64.1	3.0
ST4	13,376.2	12,971.2	405.0	7,062.8	65.4	63.5	3.0
2013							
ST1	13,539.5	13,118.0	421.5	7,090.0	65.6	63.6	3.1
ST2	13,945.1	13,524.1	421.0	6,819.6	67.2	65.1	3.0
ST3	14,214.2	13,776.0	438.3	6,613.0	68.2	66.1	3.1
ST4	14,195.1	13,739.5	455.6	6,730.7	67.8	65.7	3.2
2014							
ST1	14,230.8	13,791.4	439.4	6,805.9	67.6	65.6	3.1
ST2	14,296.1	13,888.5	407.6	6,793.0	67.8	65.9	2.9
ST3	14,346.9	13,960.6	386.3	6,810.3	67.8	66.0	2.7
ST4	14,403.3	13,998.7	404.6	6,860.9	67.7	65.8	2.8
2015							
ST1	14,544.8	14,091.0	453.9	6,798.5	68.1	66.0	3.1
ST2	14,535.6	14,087.8	447.8	6,897.9	67.8	65.7	3.1
ST3	14,561.0	14,093.7	467.3	6,930.6	67.8	65.6	3.2
ST4	14,600.2	14,127.9	472.3	6,952.7	67.7	65.6	3.2
2016							
ST1	14,596.8	14,095.8	501.0	7,011.5	67.6	65.2	3.4
ST2	14,665.4	14,161.5	503.9	7,026.0	67.6	65.3	3.4
ST3	14,710.6	14,202.0	508.5	7,044.6	67.6	65.3	3.5
ST4	14,771.4	14,260.6	510.8	7,071.7	67.6	65.3	3.5
2017							
ST1	14,870.1	14,355.9	514.2	7,093.8	67.7	65.4	3.5
ST2	14,926.4	14,414.8	511.6	7,123.3	67.7	65.4	3.4
ST3	15,000.2	14,484.0	516.2	7,091.0	67.9	65.6	3.4
ST4	15,088.3	14,580.5	507.8	7,085.0	68.0	65.8	3.4
2018							
ST1	15,192.4	14,683.6	508.9	7,093.7	68.2	65.9	3.3
ST2	15,278.3	14,767.2	511.1	7,073.4	68.4	66.1	3.3
ST3	15,381.3	14,856.8	524.4	7,077.9	68.5	66.2	3.4
ST4	15,449.9	14,933.4	516.5	7,070.7	68.6	66.3	3.3
2019							
ST1	15,526.8	15,010.2	516.6	7,064.2	68.7	66.4	3.3
ST2	15,598.8	15,078.2	520.6	7,088.1	68.8	66.5	3.3
ST3	15,674.3	15,162.1	512.1	7,088.7	68.9	66.6	3.3
ST4	15,766.7	15,254.5	512.2	7,066.1	69.1	66.8	3.2

Jadual B: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Kedua 2022

Siri Masa	('000)					(%)	
	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
2020							
ST1	15,790.1	15,243.5	546.6	7,163.1	68.8	66.4	3.5
ST2	15,675.5	14,883.7	791.8	7,350.5	68.1	64.6	5.1
ST3	15,840.6	15,095.6	745.0	7,324.6	68.4	65.2	4.7
ST4	15,922.3	15,161.6	760.7	7,318.4	68.5	65.2	4.8
2021							
ST1	16,008.4	15,236.5	771.8	7,316.0	68.6	65.3	4.8
ST2	15,972.2	15,207.3	764.9	7,424.9	68.3	65.0	4.8
ST3	16,021.0	15,274.8	746.2	7,430.1	68.3	65.1	4.7
ST4	16,135.0	15,440.7	694.4	7,361.5	68.7	65.7	4.3
2022							
ST1	16,246.1	15,574.9	671.2	7,289.9	69.0	66.2	4.1
ST2	16,343.3	15,701.2	642.0	7,258.5	69.2	66.5	3.9

Jadual B1 : Penduduk bekerja kurang 30 jam mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia,
Suku Pertama 2017 - Suku Kedua 2022

('000)

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
2017							
ST1	415.5	177.3	238.2	57.4	79.7	90.8	187.6
ST2	396.8	168.8	228.0	52.8	79.0	95.1	170.0
ST3	393.0	163.2	229.7	57.3	91.1	81.4	163.1
ST4	419.3	173.1	246.2	60.2	105.4	84.3	169.4
2018							
ST1	462.3	172.9	289.3	61.2	119.5	98.7	182.9
ST2	497.2	207.7	289.5	75.5	132.4	101.3	188.0
ST3	442.4	172.7	269.7	56.4	96.7	98.3	191.0
ST4	370.0	140.9	229.0	39.2	80.4	78.9	171.4
2019							
ST1	352.6	143.7	209.0	52.2	90.9	68.9	140.7
ST2	374.3	171.5	202.8	43.6	84.1	87.8	158.8
ST3	326.6	118.9	207.6	42.5	73.6	79.7	130.8
ST4	304.0	112.3	191.8	39.1	62.9	72.8	129.3
2020							
ST1	667.5	320.1	347.4	91.0	189.1	146.5	240.9
ST2	789.6	444.0	345.7	134.6	229.1	182.0	244.0
ST3	403.8	151.4	252.4	116.1	118.0	72.1	97.6
ST4	533.7	345.6	188.0	165.5	189.5	71.0	107.6
2021							
ST1	441.9	281.3	160.5	57.0	209.4	106.3	69.2
ST2	474.1	317.8	156.3	102.2	110.1	95.9	165.9
ST3	464.6	282.9	181.6	69.0	166.4	123.7	105.4
ST4	393.8	137.6	256.2	87.0	108.4	97.5	100.9
2022							
ST1	336.3	112.1	224.1	39.1	103.6	77.8	115.8
ST2	324.5	154.5	170.0	76.4	94.3	63.0	90.8

Jadual B2 : Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia,
Suku Pertama 2017 - Suku Kedua 2022

('000)

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
2017							
ST1	211.8	105.9	105.8	36.8	51.0	48.6	75.4
ST2	195.4	97.7	97.8	34.7	45.2	48.9	66.6
ST3	224.8	109.1	115.7	46.3	59.3	49.8	69.4
ST4	238.5	115.3	123.2	45.7	69.4	44.9	78.5
2018							
ST1	242.5	102.4	141.0	37.3	74.1	52.3	79.7
ST2	231.7	108.1	123.5	40.2	65.8	43.2	82.5
ST3	235.5	116.5	119.0	43.4	54.4	49.4	88.3
ST4	204.1	88.1	115.9	30.8	47.5	44.0	81.7
2019							
ST1	210.5	98.0	112.5	43.6	61.4	36.9	68.6
ST2	204.5	107.2	97.2	32.0	53.8	45.7	73.0
ST3	178.7	70.4	108.2	28.6	44.8	50.9	54.4
ST4	170.7	69.2	101.5	28.7	44.2	40.6	57.1
2020							
ST1	383.2	183.2	199.9	63.2	114.1	82.4	123.5
ST2	413.5	257.6	156.0	76.3	99.3	106.1	131.9
ST3	300.8	102.3	198.5	108.4	97.2	47.4	47.8
ST4	369.1	267.8	101.3	130.3	117.4	53.1	68.4
2021							
ST1	310.5	226.7	83.8	46.4	159.3	67.2	37.6
ST2	329.7	236.1	93.5	86.6	82.6	46.6	113.8
ST3	326.2	232.2	93.9	40.4	137.0	87.7	61.0
ST4	293.1	101.2	191.9	80.8	78.9	70.2	63.2
2022							
ST1	245.1	71.3	173.8	21.8	76.1	62.6	84.5
ST2	212.8	111.6	101.3	64.5	59.8	37.0	51.6

Jadual B3 : Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia,
Suku Pertama 2017 - Suku Kedua 2022

('000)

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
2017							
ST1	1,182.9	567.0	615.9	280.8	569.0	209.3	123.8
ST2	1,280.6	584.9	695.7	317.9	587.7	226.9	148.1
ST3	1,311.6	623.9	687.7	306.1	632.6	227.4	145.5
ST4	1,332.8	648.4	684.4	303.2	631.8	254.8	142.9
2018							
ST1	1,306.9	629.2	677.7	279.2	629.2	259.0	139.5
ST2	1,408.1	647.2	760.9	314.5	687.4	257.7	148.4
ST3	1,446.3	704.1	742.2	351.3	683.3	266.9	144.8
ST4	1,404.0	667.8	736.2	337.2	679.1	245.4	142.3
2019							
ST1	1,460.8	673.2	787.6	329.5	696.4	263.0	172.0
ST2	1,417.2	665.3	751.9	338.6	666.0	259.7	152.8
ST3	1,554.5	699.3	855.2	393.5	705.8	279.1	176.0
ST4	1,540.9	746.8	794.1	348.4	732.4	287.4	172.7
2020							
ST1	1,637.3	815.1	822.2	338.3	786.3	310.8	201.8
ST2	1,674.1	847.7	826.4	393.7	701.9	331.6	246.9
ST3	1,762.7	865.9	896.9	405.1	811.4	355.3	190.9
ST4 ^f	1,886.8	1,066.6	820.2	353.5	862.6	443.0	227.6
2021							
ST1	1,899.9	951.5	948.4	437.2	848.4	401.7	212.5
ST2	1,852.5	949.0	903.5	336.9	776.0	426.1	313.5
ST3	1,873.8	931.7	942.2	426.8	835.3	392.0	219.7
ST4	1,838.3	877.1	961.2	309.0	816.4	454.6	258.3
2022							
ST1	1,810.1	874.4	935.6	364.9	821.3	428.2	195.7
ST2	1,799.6	892.3	907.3	356.3	799.4	433.3	210.6

Nota:

^f Disemak semula

Jadual C: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - Jun 2022

	('000)						(%)
Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
2010							
Januari	12,367.9	11,931.2	436.7	6,927.5	64.1	61.8	3.5
Februari	12,059.8	11,632.3	427.4	7,225.1	62.5	60.3	3.5
Mac	12,324.2	11,895.9	428.3	6,993.0	63.8	61.6	3.5
April	12,512.0	12,133.5	378.5	6,894.5	64.5	62.5	3.0
Mei	12,197.6	11,798.9	398.7	7,186.0	62.9	60.9	3.3
Jun	12,331.8	11,882.2	449.6	7,065.0	63.6	61.3	3.6
Julai	12,516.2	12,099.5	416.7	6,900.5	64.5	62.3	3.3
Ogos	12,320.9	11,936.5	384.3	7,157.9	63.3	61.3	3.1
September	12,289.9	11,912.1	377.8	7,194.4	63.1	61.1	3.1
Oktober	12,689.5	12,342.6	346.8	6,846.7	65.0	63.2	2.7
November	12,277.5	11,874.1	403.4	7,298.3	62.7	60.7	3.3
Disember	12,822.3	12,418.3	404.1	6,722.3	65.6	63.5	3.2
2011							
Januari	12,804.2	12,376.0	428.2	6,881.6	65.0	62.9	3.3
Februari	12,618.9	12,245.3	373.6	7,110.3	64.0	62.1	3.0
Mac	12,862.2	12,491.8	370.4	6,940.1	65.0	63.1	2.9
April	12,921.7	12,537.1	384.6	6,930.6	65.1	63.2	3.0
Mei	12,726.6	12,330.3	396.3	7,133.2	64.1	62.1	3.1
Jun	12,782.7	12,372.6	410.1	7,073.7	64.4	62.3	3.2
Julai	12,967.4	12,581.5	385.9	6,920.5	65.2	63.3	3.0
Ogos	12,887.9	12,486.7	401.2	7,038.6	64.7	62.7	3.1
September	12,875.9	12,456.9	419.0	7,032.2	64.7	62.6	3.3
Oktober	12,938.2	12,550.1	388.1	7,045.7	64.7	62.8	3.0
November	12,722.4	12,323.7	398.7	7,245.7	63.7	61.7	3.1
Disember	13,092.1	12,687.2	404.9	6,997.3	65.2	63.2	3.1
2012							
Januari	13,191.6	12,781.3	410.4	6,878.5	65.7	63.7	3.1
Februari	13,054.5	12,645.6	408.9	7,042.3	65.0	62.9	3.1
Mac	13,295.4	12,893.8	401.6	6,897.3	65.8	63.9	3.0
April	13,331.8	12,936.9	394.8	6,851.3	66.1	64.1	3.0
Mei	13,245.6	12,861.2	384.4	6,952.9	65.6	63.7	2.9
Jun	13,232.5	12,811.4	421.0	7,013.7	65.4	63.3	3.2
Julai	13,511.7	13,093.3	418.4	6,777.3	66.6	64.5	3.1
Ogos	13,313.6	12,963.4	350.2	7,039.9	65.4	63.7	2.6
September	13,408.5	12,984.5	424.0	6,993.2	65.7	63.6	3.2
Oktober	13,341.4	12,908.9	432.6	7,056.2	65.4	63.3	3.2
November	13,429.2	13,044.6	384.6	7,094.6	65.4	63.6	2.9
